

MOHD ZAINI OTHMAN

Kelab Debat Universiti Sains Islam Malaysia

MEMBINA PEWARIS LEGASI GEMILANG

Menjadi seorang mahasiswa, ilmu yang diperoleh hendaklah disumbang kembali kepada masyarakat agar manfaat ilmu itu sendiri tersebar luas.

Mahasiswa kini terbukti mampu menjadi tonggak pelapis kepimpinan negara apabila kelab dan persatuan di universiti kini makin aktif.

Wajarlah dikatakan universiti adalah gedung ilmu yang mampu melahirkan insan-insan intelektual dan proaktif.

Bersesuaian dengan moto "Membina Pewaris Legasi Gemilang", Kelab Debat Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) adalah antara kelab pelajar terawal ditubuhkan pada awal penubuhan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) pada 2000 (dikenali sebagai Kolej Universiti Islam Malaysia (Kuim) ketika itu).

ASAH BAKAT KEPIMPINAN

Kelab Debat bukan sahaja berperanan menyediakan platform yang tepat untuk mencungkil pelapis pengucapan awam (debat, pidato dan syarahan) kalangan penuntut sebagai wakil universiti, malah menggalas tanggungjawab mengasah bakat terpendam meliputi aspek kepimpinan, pengurusan dan kemahiran insani.

Kelab Debat Usim sesi 2014/2015 dipimpin Muhamad Amirul Razali, penuntut Fakulti Syariah Undang-Undang (FSU) selaku Pengerusi Kelab Debat dan antara pendebat bahasa Inggeris.

Menurut Muhamad Amirul, dia dibantu Nur Azreen Zainal, penuntut Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) yang juga pendebat bahasa Arab selaku Timbalan Pengerusi. Kelab ini menggandingkan 18 exco yang menjaga pelbagai portfolio seperti dokumentasi; publisiti dan media; pengurusan pertandingan; teknikal dan logistik serta pengantarabangsaan.

"Pencapaian dalam arena perdebatan universiti sentiasa jadi keutamaan dan terbukti dengan menjuarai pertandingan besar antaranya, Debat Piala Perdana Menteri, Debat Alam Sekitar, Debat Diraja, Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu (PABM) dan terbaru johan Debat Ekonomi Piala Ibn Khaldun. Pendebat bahasa Arab kami dipilih sebagai pendebat terbaik di Debat Qatar, April lalu," katanya.

Menurutnya, selain bertujuan mengasah bakat ahli, peserta biasa pula berpeluang terlibat dalam pengurusan pertandingan dan program kelab. Kelab ini juga menjadi penggerak utama kepada beberapa pertandingan debat besar.

Antaranya, menganjurkan Pertandingan Debat Bahasa Arab IPT Asean bermula 2006 hingga kini. Manakala peringkat nasional, Pertandingan Debat Bahasa Arab Sekolah Menengah Kebangsaan melalui kerjasama Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan sejak 2008.

Kelab ini juga mempunyai keistimewaan kerana mempunyai kepakaran pengurusan dalam penganjuran pertandingan Debat Bahasa Arab.

Membina pewaris legasi gemilang



Kelab Debat Usim juga jadi tumpuan sebagai sumber rujukan untuk Debat Bahasa Arab.

Kelab Debat Usim asah kemahiran peserta

"Kelab ini menjadi sumber rujukan apabila bahasa Arab diangkat buat pertama kali sebagai salah satu kategori baharu selain bahasa Melayu dan Inggeris dalam Pertandingan Debat Diraja pada 2006 di Universiti Malaysia Sarawak (Unimas)," katanya.

Kelab juga aktif dalam penganjuran pelbagai pertandingan peringkat dalaman seperti Debat Piala Naib Canselor, Debat Inter-Tamhidi dan Debat Piala Dekan FPBU yang bertindak sebagai serampang dua mata.

Tambahnya, di samping kenal pasti pelapis, ia juga memberi pendedahan awal pengurusan kelab kepada ahli baharu.

ANJUR PELBAGAI PROGRAM

Program-program yang membentuk nilai-nilai murni berpasukan kerap dianjurkan dan mendapat sokongan penuh Bahagian Hal Ehwal Pelajar Usim.

Antara program tahunan yang dianjurkan adalah Kem Pengurusan Kelab Debat, Kursus Penganjuran Pertandingan Debat, Bengkel Debat Bahasa Sekolah Kluster Usim



MOHD ZAINI

dan Kem Pendebat Usim.

Menurut Penasihat Kelab, Mohd Zaini Othman, kepimpinan Kelab Debat yang menggabungkan pendebat dan peserta biasa adalah ramuan terbaik dalam membuka peluang kepada siswa lain untuk terlibat menguruskan Kelab Debat walaupun mereka tiada kepakaran di pentas perdebatan. Hal ini memberi kesan positif apabila Kelab Debat mampu mendidik siswa yang bukan hanya hebat di pentas,

- Antara Pengiktirafan atas Pencapaian Kelab Debat Usim
- Anugerah Tokoh Siswa KPM 2013 (PengucapanAwam) : Muhamad Iqmal Hisham
- Anugerah Kecemerlangan Kepimpinan Berpasukan (Debat Bahasa Melayu)
- Anugerah Kecemerlangan Siswa Usim (AKSIS) : 2008, 2010 dan 2011
- Anugerah Perdana Emas (Kelab Terbaik) AKSIS : 2008 dan 2011
- Anugerah Tokoh Pemimpin Siswa AKSIS 2014 : Mohd Safwan Hamdy
- Anugerah Kecemerlangan Individu AKSIS 2011 : Mohd Shah Izad Saleh
- Anugerah Kecemerlangan Kepimpinan (Individu) AKSIS 2009 : Mohd Zaini Othman



Bakat terserlah di pentas pertandingan.

malah mampu memimpin, mengatur dan mengurus kelab itu sendiri. "Pada tahun ini, Kelab Debat akan mengadakan program khidmat komuniti antarabangsa di bawah *Global Islamic Student Outreach (GISO)* Usim yang memberi tumpuan kepada masyarakat Muslim di Krabi, Thailand.

"Tahun ini juga menyaksikan tenaga kerja pengurusan Kelab akan membantu Usim melaksanakan dua pertandingan skala besar dan pada masa sama mempersiapkan pasukan ke pertandingan ini," katanya.

Usim akan menjadi tuan rumah kepada Pertandingan Ihtifal Institut Pengajian Tinggi (IPT) dan Konvensyen Pendakwah Muda Asean pada 20 hingga 24 Ogos diikuti Pertandingan Debat Perdana Integriti antara Universiti dengan kerjasama Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Majlis Debat Universiti-universiti Malaysia (MADUM) pada 18 hingga 21 September nanti.

Harapan agar kelab ini sentiasa maju jaya dan dapat melahirkan pelapis-pelapis baharu yang lebih berpengalaman di samping menganjurkan pelbagai program bertaraf antarabangsa kerana ia dapat menaikkan nama universiti dan Kelab Debat itu sendiri.